SISTEM PROFIL PROJEK ICT SEKTOR AWAM (PROFIT)

PROFIT

MANUAL PENGGUNA

(Peranan dan Tanggungjawab Pengguna)

Disember 2019

Seksyen Pengurusan Tadbir Urus ICT
Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT

PENDAHULUAN

Dokumen berikut merupakan panduan bagi pengguna Aplikasi Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT) dalam menentukan tanggungjawab pengguna dalam penggunaan PROFIT.

SINGKATAN DAN ISTILAH

Berikut merupakan singkatan dan istilah yang digunakan dalam dokumen ini.

No.	Singkatan/Istilah	Penerangan
1.	PROFIT	Aplikasi Profil Projek ICT Sektor Awam
2.	JTISA	Jawatankuasa Teknikal Sektor Awam
4.	SPA Bil. 3/2015	Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015
5.	JTI	Jawatankuasa Teknikal ICT Agensi/Kementerian (rujuk SPA Bil. 3/2015)

PENGENALAN

Aplikasi Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT) adalah satu aplikasi pengurusan projek-projek ICT yang dilaksanakan oleh kerajaan berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015. PROFIT adalah sistem aplikasi untuk mendaftar dan merekod permohonan perolehan projek ICT, mengemas kini dan memantau semua projek ICT yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh agensi Sektor Awam berdasarkan Surat Pekeliling Am (SPA) Bilangan 3 Tahun 2015. Penggunaan PROFIT dalam proses permohonan teknikal juga telah dinyatakan dalam SPA Bil. 3/2015 supaya pengurusan proses kelulusan teknikal dan jejak audit dapat diuruskan dengan baik.

PROFIT telah melalui beberapa fasa penambahbaikan dan yang terkini dengan penambahan beberapa fungsi termasuk integrasi dengan Sistem Pemantauan Projek (SPP) II untuk jenis peruntukan adalah daripada Peruntukan Pembangunan.

Peringkat Kelulusan

Dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 (SPA 3/2015), terdapat tiga (3) peringkat kelulusan seperti rajah di bawah:

Had Nilai berdasarkan Lampiran D, SPA Bil. 3/2015

Rajah 2: Peringkat Kelulusan Berdasarkan SPA Bil. 3/2015

Jawatankuasa ini terdiri daripada:

(a) Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) di Peringkat Agensi;
(b) Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) di Peringkat Kementerian; dan
(c) Jawatankuasa Teknikal Projek ICT Sektor Awam yang diurus setia oleh MAMPU.

AKSES KE SISTEM PROFIT

Aplikasi PROFIT boleh diakses dengan baik dengan menggunakan browser Chrome (Best view) dan Firefox.

PRA-SYARAT

Syarat untuk memasukkan projek ICT dalam PROFIT adalah seperti berikut:

(a) Ada peruntukan kewangan yang telah diluluskan oleh agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan; dan

(b) Kelulusan Teknikal Agensi (JTI).

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

1.1 Pentadbir Sistem

1.1.1 Pengguna ID Admin JPICT

i) Pentadbir Sistem Kementerian akan bertanggungjawab untuk:
ii) Pendaftaran Urus Setia Kementerian;
iii) Pendaftaran Admin JPICT Agensi; dan
iv) Pendaftaran Pemilik Projek di Bahagian dan Agensi yang tiada JPICT.

1.1.2 Pengguna ID Admin JPICT akan bertanggungjawab untuk:

i) Pendaftaran Urus Setia Agensi; dan
ii) Pendaftaran Pemilik Projek di Bahagian.

1.1.3 Bertindak sebagai *contact person* dan menerima sebarang makluman berkenaan dengan PROFIT daripada MAMPU untuk dimaklumkan kepada pengguna lain di agensi dibawah seliaanya.

1.1.4 Menjaga maklumat yang disimpan dalam sistem dan tidak menyalahgunakan akses yang diberikan; dan

1.2 Pengguna Sebagai Urus Setia JPICT Agensi/Kementerian

1.2.1 Menyemak dan memproses permohonan projek ICT dan mengemaskini status penilaian dan keputusan mesyuarat JPICT Agensi/Kementerian.

1.2.2 Bertindak sebagai *contact person* dan menerima sebarang makluman berkenaan dengan PROFIT daripada MAMPU untuk dimaklumkan kepada pengguna lain di agensi dibawah seliaanya;

1.2.3 Memastikan pemilik projek untuk mengemaskini Maklumat Kontrak Projek dan Maklumat Pembangunan Projek pada setiap bulan;

1.2.4 Memastikan pemilik projek tidak mengubah Jadual Pelaksanaan Semasa Kontrak. Jadual Pelaksanaan boleh diubah sekiranya kelulusan untuk Pelanjutan Tempoh telah diluluskan.

1.2.5 Memastikan pemilik projek untuk mengemaskini dan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan dalam Surat Keputusan Mesyuarat JTISA.

1.2.6 Menjaga maklumat yang disimpan dalam sistem dan tidak menyalahgunakan akses yang diberikan; dan

1.3 Pengguna Sebagai Pemilik Projek

1.3.1 Memastikan segala permohonan projek ICT terutama yang perlu ke JPICT Agensi, JPICT Kementerian dan Jawatankuasa Teknikal Projek ICT Sektor Awam (JTISA) dibuat dalam tempoh sebelum tarikh tutup permohonan. Tarikh mesyuarat dan tarikh tutup permohonan JTISA boleh diakses di http://www.mampu.gov.my/jtict/;

1.3.2 Memastikan pengemaskinian Maklumat Kontrak Projek dan Maklumat Pembangunan Projek pada setiap bulan setelah projek diluluskan di peringkat tertinggi berdasarkan SPA Bil. 3/2015;

1.3.3 Mengemaskini maklumat projek dan dokumen yang berkaitan berdasarkan slaid terkini yang dibentangkan dalam Mesyuarat JPICT/JTISA.

1.3.4 Menjaga maklumat yang disimpan dalam sistem dan tidak menyalahgunakan akses yang diberikan; dan